

NOTIS DATA PERIBADI DAN PRIVASI

Muhibbah Engineering (M) Bhd dan kumpulan syarikatnya (**sila lihat senarai syarikat- syarikat yang lengkap di bawah) (“**Muhibbah**”) menghormati privasi anda. Data Peribadi anda akan dianggap dan dipandang serius oleh kami.

Notis Data Peribadi dan Privasi ini dikeluarkan kepada kesemua klien kami, pembekal-pembekal, penjual, pembekal perkhidmatan, sub-kontraktor entiti-entiti lain / data subjek- subjek yang kami mempunyai transaksi komersil dengannya, selaras dengan kehendak- kehendak Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 di Malaysia.

Pengumpulan Data & Maklumat Peribadi

Dalam proses pengendalian urus-niaga anda dengan kami, kami akan meminta anda untuk memberikan kami data dan maklumat mengenai diri anda, organisasi anda, pekerja-pekerja anda, ejen-ejen anda, pembekal-pembekal perkhidmatan anda, pelanggan- pelanggan anda dan/atau sebarang individu-individu yang relevan (“Data Peribadi”) bagi membolehkan kami memasuki transaksi dengan anda atau memberikan pelbagai perkhidmatan yang diperlukan dan/atau yang boleh dihantar berhubung dengan perniagaan kami.

Data Peribadi termasuk maklumat seperti butir-butir yang terdapat pada kad pengenalan, nama gunaan/panggilan, nombor kad pengenalan, umur, nombor yang boleh dihubungi, butiran pasport, warganegara, jantina, alamat kediaman, alamat e-mel, tarikh lahir, jawatan, butiran pemegangan saham, butiran akaun bank, pengalaman kerja, penglibatan dalam projek-projek yang lalu, butiran pendidikan dll. dan dalam beberapa keadaan, mungkin termasuk maklumat-maklumat sensitif seperti kesihatan fizikal dan mental, pendapat-pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang bersifat sama, perlakuan ,tuduhan perlakuan dan/atau dakwaan terhadap sesuatu kesalahan, dan data lain sedemikian yang diperlukan untuk perlaksanaan perkhidmatan kami kepada anda.

Semasa wabak Penyakit COVID-19, kami akan mengumpul keadaan kesihatan anda, penilaian kesihatan anda, rekod perjalanan, kuarantin, status vaksinasi dan apa-apa maklumat lain yang diperlukan atau disyorkan untuk dipegang berkaitan dengan kawalan atau pengurusan wabak penyakit tersebut.

Mengapa kami Menqumpul Data Peribadi?

Pengumpulan Data Peribadi adalah relevan sehubungan dengan proses perniagaan kami, penyempurnaan, termasuk penghantaran perkhidmatan dan/atau serahan-serahan dan pengurusan perhubungan klien/penjual.

Data peribadi yang diberikan oleh anda, wakil dan penasihat yang diberi kuasa, majikan anda, pelanggan dan pihak berkuasa akan dikumpul, diguna atau diproses oleh kami untuk, tetapi tidak terhad, tujuan-tujuan yang berikut (secara kolektif, "Tujuan"):

- (a) untuk perlaksanaan kontrak di antara anda dengan kami;
- (b) untuk membantu kami menilai dan memilih calon/firma/syarikat yang sesuai untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan / barang / kerja-kerja pembekalan /kerja- kerja sub-kontrak, dll.
- (c) untuk menilai prestasi pembekal-pembekal perkhidmatan sedia ada / penjual/ pembekal-pembekal/ sub-kontraktor dll. , sama ada untuk projek-projek tertentu yang menjadi isu dan berhubung projek-projek / tugas-tugas di masa hadapan;
- (d) kontrak pengambilan pekerja-pekerja dan kakitangan;
- (e) pengurusan dan pelaporan tempat kerja;
- (f) penghantaran/penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan atau serahan / dan pemasaran perkhidmatan yang sedemikian atau serahan sama ada pada masakini atau di masa depan, kepada anda;
- (g) untuk permudahkan pembayaran bagi perkhidmatan yang diberi dan juga urusan pentadbiran yang lain;
- (h) prosedur pengurusan perhubungan antara ahli, klien dan penjual;
- (i) tujuan-tujuan yang diperuntukkan secara khususnya dalam sebarang perkhidmatan tertentu atau serahan yang ditawarkan oleh kami;
- (j) mengendalikan latihan dan program-program kesedaran, aktiviti-aktiviti promosi klien, pemasaran dan aktiviti-aktiviti memprofail klien berkaitan perkhidmatan- perkhidmatan kami dan serahan yang sehubung dengannya;
- (k) simpanan rekod dalaman kami;

- (l) memenuhi sebarang syarat undang-undang atau regulatori berhubung peruntukan perkhidmatan kami dan serahan, dan untuk membuat pendedahan di bawah syarat-syarat sebarang undang-undang yang boleh dipakai, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling, kod yang boleh dipakai oleh kami; dan
- (m) membolehkan kami menghubungi anda dan mengirim maklumat kepada anda melalui e-mel, cara telekomunikasi (panggilan-panggilan telefon atau pesanan- pesanan teks) atau media sosial mengenai produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga yang tertentu yang kami berpendapat mungkin akan menarik minat anda.

Apakah kesan yang akan/mungkin timbul akibat kegagalan untuk memberikan Data Peribadi?

Kegagalan untuk membekalkan Data Peribadi yang sedemikian akan / mungkin menyebabkan:-

- (a) kami tidak dapat meneruskan kontrak di antara anda dengan Muhibbah;
- (b) kami tidak dapat memproseskan/ menaksir/ menilai pemohonan/ pendaftaran anda;
- (c) kami tidak dapat menilai kesesuaian anda sebagai pembekal-pembekal perkhidmatan / penjual / pembekal / sub-kontraktor dan lain-lain;
- (d) kami tidak dapat menghubungi anda di masa depan (contohnya untuk sebarang tugas/ projek baru);
- (e) kami tidak dapat menghubungi anda untuk komunikasi berkaitan kerja yang perlu;
- (f) kami tidak dapat memberikan klien-klien perkhidmatan dan/atau serahan-serahanyang diminta;
- (g) kami tidak dapat mengemaskini butir-butir, perkhidmatan serahan dan/atau pelancaran kami kepada anda; dan
- (h) anda tidak dapat menerima jemputan kepada aktiviti-aktiviti promosi yang diaturkan oleh kami / ejen-ejen kami.

Pendedahan

Data Peribadi yang diberikan kepada kami akan secara umumnya dirahsiakan tetapi anda dengan ini memberi kebenaran dan membenarkan kami untuk memberikan atau mendedahkan Data Peribadi kepada kategori-kategori pihak yang berikut:-

- (a) mana-mana pihak yang kami terpaksa atau dikehendaki mendedahkan di bawah undang-undang, peraturan, perintah mahkamah dan sebagainya;
- (b) agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak berkuasa statutori dan regulator-regulator industri;
- (c) juru audit kami, perunding, akauntan, penanggung insurans, peguam atau penasihat kewangan atau profesional lain;
- (d) sub-kontraktor kami atau pembekal-pembekal produk atau perkhidmatan pihak ketiga rakan kongsi perniagaan kami, pelanggan kami seperti mana yang mungkin akan ditentukan sebagai perlu atau wajar; dan
- (e) Kumpulan syarikat Muhibbah (** lihat senarai lengkap syarikat-syarikat di bawah)

Perlindungan

Kami akan menyimpan dan memproses Data Peribadi anda dengan cara yang selamat. Kami berusaha, di mana ianya boleh dipraktik, untuk melaksanakan pelindungan keselamatan dan pentadbiran yang sewajarnya serta prosedur-prosedur menurut undang- undang yang berkaitpaut dan peraturan untuk mencegah penggunaan yang tidak dibenarkan atau yang salah di sisi undang-undang bagi Data Peribadi dan kehilangan atau pemusnahan secara tidak sengaja terhadap, atau kerosakan pada, Data Peribadi yang sedemikian.

Pemindahan dan Pekongsian Data

Di mana kami anggapkan sebagai perlu atau wajar untuk tujuan penyimpanan data atau pemprosesan atau memberikan sebarang perkhidmatan atau serahan bagi pihak kami kepada anda, kami boleh memindahkan Data Peribadi kepada perkhidmatan pihak ketiga /pembekal-pembekal produk atau kepada kumpulan syarikat Muhibbah, di dalam atau di luar negara, di bawah keadaan kerahsiaan dan tahap pelindungan keselamatan yang sama.

Hak Anda bagi Akses dan Pembetulan

Anda mempunyai hak untuk meminta akses dan membuat pembetulan kepada Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan berhubung dengan hal ini, anda boleh:

- (a) menyemak sama ada kami telah memegang atau mengguna Data Peribadi yang sedemikian dan meminta akses kepada data yang sedemikian;
- (b) meminta supaya kami membetulkan sebarang Data Peribadi yang tidak betul, tidak lengkap atau tidak dikemaskini;
- (c) meminta supaya kami menentukan atau menerangkan dasar serta prosedur yang relevan yang berkaitan dengan data dan jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh kami.

Permintaan bertulis untuk mendapat akses kepada Data Peribadi atau pembetulan Data Peribadi atau untuk mendapat maklumat berhubung dasar-dasar dan prosedur-prosedur serta jenis-jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh kami boleh dibuat kepada:

Pegawai PDPA

Muhibbah Engineering (M) Bhd

Lot 586 & 579, 2nd Mile, Jalan Batu Tiga Lama, 41300 Klang, Selangor

Tel: 03-33424323 (ext: 5551)

Faks: 03-33487831

Emel: pdpa@muhibbah.com.my

Kami akan menyimpan data peribadi anda selagi yang semunasabahnya perlu untuk memenuhi tujuan yang kami kumpulkan, termasuk untuk sebarang keperluan operasi, undang-undang, pengawalseliaan, cukai, perakaunan atau pelaporan.

Persetujuan Pihak Ketiga

Sekiranya anda telah membekalkan data peribadi pihak ketiga (contohnya, orang hubungan kecemasan anda, penyewa, wakil-wakil yang diberikan kuasa, kontraktor, peguam, ahli kewangan) kepada kami, kami bergantung kepada anda untuk memperoleh dengan secukupnya terlebih dahulu persetujuan pihak ketiga tersebut untuk membolehkankami untuk memproses data peribadi mereka berkenaan tujuan tersebut.

Perubahan Dasar Privasi Kami

Kami berhak untuk meminda Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu. Kami menasihatkan anda menyemak Dasar Privasi kami ini secara tetap.

Selaras dengan akta perlindungan data peribadi, Notis Privasi ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

****Senarai Kumpulan Syarikat Muhibbah:**

1. *Muhibbah Engineering (M) Bhd*
2. *Muhibbah Marine Engineering Sdn Bhd*
3. *Energy Ocean Ltd*
4. *Juara Lagi Sdn Bhd*
5. *Elelink Sdn Bhd*
6. *ITS Konsortium Sdn Bhd*
7. *PT Muhibbah Enjiniring Indonesia*
8. *Muhibbah O&G Sdn Bhd*
9. *Muhibbah Engineering (Singapore) Pte Ltd*
10. *MEB Construction Sdn Bhd*
11. *Muhibbah Steel Industries Sdn Bhd*
12. *Muhibbah Airline Support Industries Sdn Bhd*
13. *Muhibbah Marine Engineering (Deutschland) GmbH*
14. *Muhibbah Masteron Cambodia JV Limited*
15. *Ann Bee (M) Sdn Bhd*
16. *Muhibbah Maritime Hub Sdn Bhd*
17. *Aspect Saga Sdn Bhd*
18. *IDS Cahaya Sdn Bhd*
19. *IDS Cahaya Ltd*
20. *IDS Darussalam Sdn Bhd*
21. *IDS Offshore Sdn Bhd*
22. *Muhibbah Steel Kuantan Sdn Bhd*
23. *Khas Jejaka Sdn Bhd*
24. *Inno Marine Services Sdn Bhd*
25. *Muhibbah International Labuan Ltd*
26. *Muhibbah Offshore Services Ltd*
27. *Muhibbah Engineering (Cambodia) Co., Ltd*
28. *Muhibbah Prospect Sdn Bhd (fka Muhibbah-LTAT JV Sdn Bhd)*
29. *Citech Energy Recovery System Malaysia Sdn Bhd (fka Solid Reserve Sdn Bhd)*
30. *Citech Energy Recovery Solutions (UK) Ltd*
31. *CB International Engineering Sdn Bhd*
32. *Muhibbah Construction Pty. Limited*
33. *Muhibbah Engineering Middle East LLC*
34. *Karisma Duta Sdn Bhd*
35. *Karisma Project Management Inc*
36. *Muhibbah Oil & Gas Sdn Bhd (fka Besimega Sdn Bhd)*
37. *Muhibbah Defense Engineering Sdn Bhd*
38. *Sun Vibrant Sdn Bhd*
39. *MCI Philippines Corp*
40. *Muhibbah Marine Kuantan Sdn Bhd*
41. *Muhibbah Corporation (L) Ltd*
42. *Cambodia Land Ltd*
43. *Muhibbah Engineering (Philippines) Corporation*
44. *Muhibbah Myanmar Company Ltd*
45. *Muhibbah Airport Management Sdn Bhd*
46. *Muhibbah Engineering Laos Co. Ltd*
47. *Muhibbah Airport Services (Labuan) Ltd*
48. *Roadcare (M) Sdn Bhd*
49. *Societe Concessionnaire de l'Aeroport*
50. *Cambodia Airport Management Services Ltd*
51. *Freyssinet PSC (M) Sdn Bhd*
52. *Wabag Muhibbah JV Sdn Bhd*
53. *M&G Sutera 8 Sdn Bhd*
54. *Favelle Favco Bhd*
55. *Favelle Favco Cranes (M) Sdn Bhd*
56. *Favelle Favco Cranes Pte Ltd*
57. *Favelle Favco Cranes (USA), Inc*
58. *Favelle Favco Cranes Pty. Limited*
59. *FF Management Pty Limited*
60. *Milperra Blasting and Coating Pty Limited*
61. *Kroll Crane A/S*
62. *FES Equipment Services Sdn Bhd*
63. *Favelle Favco Winches Pte Ltd*
64. *Shanghai Favco Engineering Machinery Manufacturing Co Ltd*
65. *Favco Offshores Sdn Bhd*
66. *Favelle Favco Machinery and Equipment LLC*
67. *Favco Heavy Industry (Changsu) Co., Ltd (fka Favco Equipment (Shanghai) Co. Ltd*
68. *Exact Automation Sdn Bhd*
69. *Exact Analytical Sdn Bhd*
70. *Exact Oil and Gas Sdn Bhd*
71. *Sedia Teguh Sdn Bhd*